



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

ISU PENGAMBILAN “VAKSIN HOMEOPATI”

Sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan kes menolak vaksin di seluruh negara dan ini menyebabkan peningkatan kejadian kes penyakit cegahan vaksin, terutamanya di lokaliti yang rendah liputan pelalian. Perkara ini membimbangkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sentiasa meletakkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat sebagai agenda utama.

Gerakan anti-vaksin merupakan topik yang hangat dibincangkan. Antara isu-isunya termasuk keselamatan dan keberkesanan vaksin yang digunakan serta kesan sampingan selepas pengambilan suntikan vaksin. Terdapat ibu bapa yang berpendapat bahawa pengamalan perubatan homeopati atau pengambilan “vaksin homeopati” sudah mencukupi untuk menjaga kesihatan anak mereka.

Kebanyakan produk homeopati yang dijual sebagai “vaksin” dihasilkan daripada proses pencairan pati (ekstrak) tisu berpenyakit atau pati tumbuhan kepada tahap di mana tiada bahan asal masih berbaki dalam hasil akhir produk sebelum ia dijual. Proses tersebut dikatakan boleh memindahkan kesan perlindungan dari bahan asal ke dalam air yang digunakan untuk proses pencairan tersebut. Namun, dari sudut biologi **tiada penjelasan munasabah** bagaimana pengambilan persediaan homeopati tersebut boleh mencegah jangkitan/ penyakit.

Keberkesanan persediaan homeopati dalam mencegah penyakit cegahan vaksin masih **belum dibuktikan**. Tiada kajian saintifik yang telah dijalankan ke atas persediaan homeopati yang digunakan untuk mencegah penyakit cegahan vaksin yang tersenarai dalam jadual imunisasi kebangsaan. Manakala keberkesanan vaksin konvensional telah terbukti melalui kajian berskala besar yang telah dijalankan untuk mengkaji keselamatan dan keberkesanan vaksin sebelum ia digunakan dengan meluas.

Masyarakat perlu memahami bahawa istilah “vaksin homeopati” adalah satu istilah yang tidak diiktiraf oleh badan-badan homeopati antrabangsa termasuk Majlis Perubatan Homeopati Malaysia. Badan-badan ini **menyokong pemberian vaksin konvensional** sebagai perlindungan terhadap penyakit cegahan vaksin.

Maklumat berkenaan vaksin terutamanya yang tersebar melalui media elektronik dan sosial tidak semestinya betul dan tepat berdasarkan bukti saintifik. KKM menyanan orang ramai untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan vaksin dan Program Imunisasi Kebangsaan dengan melayari laman sesawang KKM (<http://www.moh.gov.my>, <http://www.immunise4life.my/> dan <http://www.myhealth.gov.my>) atau menghubungi hotline KKM di talian 03-88810200/ 0300.

Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

3 DISEMBER 2015